



## Tak Dapat Kelulusan Kad Kredit? Inilah Yang Boleh Anda Cuba Lakukan!





# LANGKAH 1 KETAHUI MENGAPA

Berikut adalah beberapa sebab:



- ▷ Maklumat tidak mencukupi atau tidak mempunyai dokumen
- ▷ Pembayaran lewat yang kerap untuk kad atau pinjaman yang lain telah menyeret skor kredit anda ke bawah
- ▷ Anda mempunyai nisbah hutang kepada pendapatan yang tinggi (30% atau lebih) - rujuk Langkah 3 di bawah!
- ▷ Pendapatan anda tidak stabil
- ▷ Pendapatan anda terlalu rendah
- ▷ Anda mempunyai terlalu banyak kad kredit
- ▷ Anda memohon terlalu banyak kad kredit dalam tempoh masa yang singkat




## LANGKAH 2 KEMASKAN LAPORAN KREDIT ANDA

Hari Malaysia ini, Hong Leong Bank membolehkan anda mendapatkan laporan kredit di sini!



Disiplinkan diri anda dengan mematuhi langkah mudah ini untuk perbaiki keadaan kredit anda:

**iMonēy.my**



**Bayar bil anda** tepat pada masanya, terutamanya untuk kad kredit dan pinjaman sedia ada.



Pastikan baki pada kad lain anda di bawah **30% daripada had kredit mereka.**



**Hadkan permohonan** untuk kredit baru (terutamanya kad kredit), sehingga laporan kredit anda bertambah baik.

# LANGKAH 3 KURANGKAN NISBAH HUTANG KEPADA PENDAPATAN ANDA



Kebanyakan bank menggunakan cara ini sebagai tolak kemampuan anda untuk membayar balik hutang masa depan. Semakin rendah peratusan, semakin bagus.

Sebagai contoh, Amy mempunyai gaji RM4,500 sebulan.



Gabungan bayaran hutang beliau ialah RM2,000 sebulan (kad kredit + pinjaman kereta + pinjaman peribadi).

Nisbah hutang kepada pendapatan beliau ialah RM2,000 dibahagikan dengan RM4,500, iaitu 44%.

Itu lebih tinggi daripada 30% (tahap umum yang diterima), dan sebarang permohonan kredit baru oleh Amy mungkin ditolak kerana nisbah yang tinggi.



## LANGKAH 4 DAPATKAN KAD YANG BETUL

Pilih dan memohon kad yang sesuai dengan gaya hidup dan keperluan anda supaya anda boleh menyimpan lebih banyak lagi!



Terdapat pelbagai kad di pasaran, seperti petrol, perjalanan, barang runcit dan membeli-belah, dan juga makan. Dengan mendapatkan kad yang sesuai dengan gaya hidup anda, anda boleh diberi ganjaran untuk perbelanjaan anda.



Skor kredit anda mungkin terjejas jika permohonan kredit anda ditolak, oleh itu, lebih baik anda tidak "cuba nasib anda" dengan permohonan yang anda tahu mungkin tidak akan diluluskan kerana ini akan memberi kesan negatif pada skor kredit masa depan anda.

Jika anda ingin mengetahui lebih banyak cara untuk DuitSmart dan mendapatkan kesihatan kewangan yang lebih baik, sila layari [www.hlb.com.my/duitsmart](http://www.hlb.com.my/duitsmart)

Artikel ini dibawa kepada anda daripada Hong Leong Bank dengan kerjasama iMoney.my

Tertanya-tanya jika anda memerlukan insurans hayat? Baca artikel ini untuk [mengetahui lebih lanjut!](#)

*Disclaimer: This content is for informational purposes and use only. It does not constitute and is not intended as financial or investment advice. You are encouraged to consult with competent accounting, financial or investment professionals based on your specific circumstances and needs before making any financial or investment decisions. We do not make any warranties as to accuracy or completeness of this information, do not endorse any third-party companies, products, or services described here, and take no liability for your use of this information. Figures and pictures, where used, are for illustration and explanation purposes only.*